



**PERGAS**

جمعيت العلماء ومدرسي الإسلام بسنغافورة

**PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)  
SINGAPORE ISLAMIC SCHOLARS & RELIGIOUS TEACHERS ASSOCIATION**

## **KENYATAAN MEDIA**

19 September 2012

### **RESPON PADA PENAYANGAN KLIP VIDEO 'INNOCENCE OF THE MUSLIMS'.**

Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (PERGAS) merasa amat prihatin dari sudut kebiadapan beberapa kelompok kecil fahaman ultra-ekstrim dan tegar di Amerika Syarikat atas penerbitan video yang menghina Nabi Muhammad s.a.w..

2 Video tersebut jelas memberikan gambaran yang jelas tidak tepat terhadap keperibadian Rasulullah s.a.w. dan ajaran Islam yang sebenar, selain memberikan gambaran yang salah kepada masyarakat dunia terhadap imej Islam. Sedangkan Islam dan mesej yang dibawa oleh Rasulullah adalah ke arah kesejahteraan insan dan keamanan dunia sejagat tanpa mengira bangsa dan juga agama.

3 Dengan ini, PERGAS juga ingin melahirkan rasa simpati terhadap mangsa yang terkorban dan harta benda yang musnah sebagai reaksi pada penayangan video tersebut.

4 Maka dengan itu PERGAS menggesa masyarakat Islam untuk kembali kepada dasar 'wasothiyah' atau kesederhanaan, dan mengikut manhaj nabawi yang sebenar atau garis panduan yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam berdepan dengan sebarang tindakan kasar dan tohmahan, ialah dengan mempertingkatkan dan meneruskan segala usaha murni yang membawa ke arah kebaikan serta kedamaian sejagat.

5 Malah, sikap bijaksana dalam menghadapi tuduhan dan tohmahan ini secara tidak langsung mampu memberi didikan kepada masyarakat bukan Islam tentang ajaran Islam yang sebenar, dan pada masa yang sama membuktikan bahawa segala apa yang didakwa adalah bercanggahan dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., ini sesuai dengan gesaan Allah s.w.t. dalam surah An-Nahl ayat 25:

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang kamu serukan itu) dengan cara yang lebih baik sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk.”*

- Surah An-Nahl, Ayat 125

6      Semoga diharapkan isu ini tidak menghalang usaha baik yang telah terjalin selama ini di antara umat Islam dengan masyarakat lain di Singapura, bahkan diharapkan agar keharmonian dan kesejahteraan yang kita alami sekarang ini akan terus berterusan dan berkekalan.

**PERSATUAN ULAMA & GURU-GURU AGAMA ISLAM SINGAPURA  
(PERGAS)**